

NO. SOALAN : 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[Jerantut]**

SOALAN :

YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi membantu generasi kedua FELDA yang tidak mempunyai penyata pendapatan bagi membantu mereka memiliki rumah.

JAWAPAN: **YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM, TIMBALAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah sedia maklum berhubung permasalahan generasi baharu FELDA dalam urusan pembelian rumah Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) iaitu berkaitan penyata pendapatan yang menjadi antara syarat utama yang ditetapkan oleh pihak bank dalam meluluskan permohonan pinjaman.

Bagi tujuan ini, FELDA telah mengadakan beberapa siri perbincangan terperinci bersama beberapa bank utama seperti Maybank, Bank Islam, Bank Simpanan Nasional (BSN), Malaysia Building Society Berhad (MBSB), Agro Bank dan RHB Bank. Antara persetujuan awal diterima adalah pihak bank berkaitan meminta supaya generasi baharu FELDA ini membuka akaun simpanan di salah satu bank yang dinyatakan dan meningkatkan kekerapan membuat simpanan atau dengan kata lain menjalankan transaksi simpanan wang yang kerap.

Bagi maksud menyampaikan perkara ini kepada generasi baharu FELDA, dalam program atau majlis yang dianjurkan oleh FELDA bersama generasi baharu, terdapat penyertaan pihak bank terlibat dimana akan dimasukkan satu slot bagi menerangkan prosedur dan keperluan bank. Ini secara tidak langsung dapat memberi pemahaman yang tepat kepada warga FELDA amnya dan generasi baharu FELDA terutama yang tiada penyata pendapatan khususnya.

Sekian. Terima kasih.